

## **Insentif Belia PRS**

### **Bayaran Insentif**

Insentif RM1,000 adalah insentif secara one-off dan individu yang layak hanya akan menerimanya SEKALI untuk keseluruhan tempoh antara 2017 hingga 2018 dan bukannya sekali setahun.

Bayaran akan dibuat secara dwi-tahunan dan PPA akan memaklumkan kepada ahli-ahli sebaik sahaja bayaran insentif telah dibuat ke dalam dana PRS ahli yang layak.

Sebaik sahaja individu itu layak, RM1,000 akan diguna pakai untuk membeli unit yang kemudiannya dimasukkan dalam sub-akaun A dana PRS yang sama dengan yang digunakan ahli untuk mencarum RM1,000 sebelum itu. Bilangan unit yang akan diterima oleh Ahli bergantung kepada NAB seunit dana PRS.

Sekiranya terdapat sebarang pemindahan berlaku selepas tarikh tutup, tetapi sebelum insentif dibayar ke dalam akaun ahli, ahli itu tetap layak menerima insentif tersebut.

Seseorang individu tidak perlu membuat permohonan untuk mendapatkan insentif ini dan tiada sebarang dokumentasi diperlukan daripada ahli untuk penerimaan insentif tersebut. PPA akan memantau akaun-akaun yang layak, menyusun senarai mereka seterusnya memaklumkan kepada pihak kerajaan. Laporan dikumpulkan oleh PPA setiap dua tahun supaya pembayaran dapat dibuat kepada individu yang berkelayakan. Setelah layak, insentif tersebut akan dikreditkan secara automatik ke dalam sub-akaun A dana PRS Ahli.

Ahli boleh melihat sendiri urus niaga tersebut sebaik sahaja pemberitahuan dibuat melalui akaun atas talian PPA. Jika anda tidak mengaktifkan akaun atas talian PPA, sila klik di [sini](#). Jika anda tidak mempunyai akses akaun PPA atas talian anda, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300-131-772 atau e-mel ke [AskPPA@ppa.my](mailto:AskPPA@ppa.my)

### **Pengeluaran Pra-Persaraan daripada Sub-Akaun B**

Memandangkan insentif RM1,000 akan digunakan sepenuhnya untuk membeli unit yang kemudiannya akan disalurkan ke dalam sub-akaun A, maka pengeluaran pra-persaraan dari sub-akaun B tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, sekiranya pengeluaran pra-persaraan berlaku selepas tarikh tutup tetapi sebelum insentif dibayar ke akaun ahli, mereka tetap layak menerima insentif tersebut.